

TARIKH	SELASA, 20 FEBRUARI 2024
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	10,000 DILATIH BANTU RAKAN SEKERJA ALAMI ISU KESIHATAN MENTAL
M/S	2
BIDANG	MANAGEMENT
KATA KUNCI	MANAGEMENT

10,000 dilatih bantu rakan sekerja alami isu kesihatan mental

NIOSH perkenal program kemahiran latihan kenali tanda awal tekanan psikologi

Oleh Essa Abu Yamin
essabayamin@bh.com.my

Kuala Lumpur: Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) memperuntukkan RM12 juta untuk melatih 10,000 pemberi pertolongan cemas kesihatan mental pekerjaan (OPFA) di tempat kerja di seluruh negara, secara percuma.

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong berkata inisiatif berkenaan bagi menggalakkan peserta mengambil bahagian dalam program latihan OPFA yang dilancarkan semalam.

"Mereka yang menyertai program latihan tiga hari berkenaan boleh mendapat tuntutan levi daripada Perbadanan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRD Corp).

"Program yang julung kali diadakan itu adalah sebahagian anjakan paradigma Kementerian Sumber Manusia (KSM) yang mahu melihat soal keselamatan dan kesihatan pekerja ditangani bukan sekadar dari aspek fizikal tetapi juga merangkumi kesihatan mental," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Persidangan dan Pameran Keselamatan dan Kesihatan Pekerja Kali (COSH) Ke-24 dan Persidangan Saintifik Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kali Ke-6 (SCICOSH) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, di sini, semalam.

Yang turut hadir Ketua Setiausaha KSM, Datuk Seri Khairul Dzaimae Daud; Pengerusi NIOSH, Chong Chien Jen dan Pengarah Eksekutif NIOSH, Ayop Salleh.

Kemahiran kenali tanda awal
Steven berkata, peserta program akan diberikan kemahiran untuk mengenali tanda awal tekanan psikologi dan langkah perlu diambil bagi membantu rakan sekerja yang berdepan dengan masalah terbabit.

"Latihan diberi akan meningkatkan kemahiran berkomunikasi peserta serta mengenal pasti kaedah tepat untuk merujuk in-



Steven (kanan) memegang modul pertolongan cemas kesihatan mental pekerjaan selepas merasmikan COSH 2024 dan SCICOSH di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, semalam. (Foto Saifullizan Tamadi/BH)

dividu yang berhadapan dengan masalah psikososial kepada pakar berkaitan.

"Selain itu, inisiatif berkenaan juga mampu memperkukuh budaya positif dalam organisasi terbabit kerana ia membekalkan sikap prihatin majikan terhadap kesejahteraan mental pekerja selaras dengan peruntukan di bawah Akta Keselamatan dan Ke-

sihatan Pekerjaan (Pindaan 2022)," katanya.

Steven berkata, sebelum ini NIOSH sudah memperkenalkan beberapa inisiatif termasuk Program Bantuan Pekerja (EAP) yang bertujuan membantu mengenal pasti dan menangani masalah kesihatan mental pekerja peringkat awal agar prestasi mereka di tempat kerja tidak terjejas.

Ibadat & Fadilat

Huzaifah RA berkata apabila Rasulullah SAW bangun untuk bertahajud, maka Baginda akan membersihkan mulutnya dengan miswak." (HR Muslim)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	6:25	1:35	4:54	7:32	8:42
Alor Setar	6:25	1:35	4:54	7:32	8:42
P. Pinang	6:24	1:35	4:54	7:33	8:43
Ipoh	6:21	1:32	4:51	7:31	8:41
Kuala Lumpur	6:18	1:30	4:48	7:29	8:39
Shah Alam	6:18	1:30	4:48	7:29	8:39
Johor Bahru	6:08	1:24	4:38	7:22	8:32
Kuantan	6:12	1:24	4:42	7:24	8:34
Seremban	6:16	1:29	4:46	7:29	8:39
Bandar Melaka	6:15	1:27	4:45	7:28	8:38
Kota Bharu	6:13	1:23	4:42	7:25	8:35
K. Terengganu	6:13	1:23	4:42	7:22	8:32
Kota Kinabalu	5:22	12:32	3:50	6:29	7:40
Kuching	5:43	12:56	4:13	6:57	8:07

DISEDIAKAN
OLEH

PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM